

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Ahad, 17 Disember 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA SEMPENA
BANCI PERTANIAN 2024
DISEMBER 2023

**Masa Depan Mampan: Usahasama DOSM dan FRIM dalam menyokong
Kempen Penanaman Pokok Seiring Banci Pertanian 2024**

Sungkai, Perak 17 Disember 2023 – Pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Dr. Ismail Hj Parlan, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menanam spesies pokok Beruas (*Garcinia hombroniana*) di tapak semaihan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) bersempena dengan pelaksanaan Banci Pertanian 2024. Bersama-sama hadir adalah Puan Nazaria Baharudin, Timbalan Ketua Perangkawan, Program Sosial dan Pembangunan Teknikal, DOSM; Yang Berbahagia Datin Seri Rozita Talha, Timbalan Ketua Perangkawan, Program Ekonomi, DOSM; dan agensi-agensi kerajaan sekitar negeri Perak.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, sebanyak 350 batang anak pokok akan ditanam pada hari ini di mana 220 daripadanya adalah sumbangan FRIM dan baki adalah infaq dari anggota DOSM. Program ini berterusan sehingga 31 Disember 2023 dengan sasaran sebanyak 1,000 batang pokok. Sebagai permulaan, pada hari ini antara spesis pokok yang akan ditanam adalah pokok buah dan pokok hutan iaitu pokok jambu, cermai, beruas,

sentul, jering, pelung, gajus, kapur, kantan, palau senkawan air, meranti tembaga dan meranti seraya di kawasan tapak semai seluas 1.7 ekar. Inisiatif ini bukan sahaja menggambarkan komitmen DOSM terhadap kelestarian alam, tetapi juga seiring dengan agenda nasional yang memberi penekanan kepada kepentingan kawasan hijau. Ini selaras dengan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dalam tempoh lima tahun bermula 2021 hingga 2025.

Geografi Malaysia dilitupi dengan kawasan berhutan yang menyumbang kepada kesejahteraan dan kualiti hidup di samping memelihara keseimbangan ekosistem dan biodiversiti negara. Program pada hari ini adalah bersempena dengan pelaksanaan Banci Pertanian 2024 yang meliputi semua aktiviti Pertanian termasuk perhutanan dan pembalakan. Banci pertanian akan merangkumi pegangan pertanian yang terdiri daripada isi rumah dan pertubuhan perniagaan yang terlibat dalam aktiviti pertanian iaitu tanaman makanan & komoditi, ternakan, perikanan & akuakultur, dan pembalakan & perhutanan. Maklumat utama yang akan dihasilkan daripada bincian ini adalah demografi pegangan pertanian, keluasan tanah, sistem pengairan, pekerja, agro-pelancongan, kemudahan pembiayaan, pendapatan dan perbelanjaan aset, amalan pertanian dan penggunaan teknologi, ekonomi digital dalam pemasaran dan aspek keterjaminan makanan. Kali terakhir negara menjalankan Banci Pertanian adalah pada tahun 2005.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
17 DISEMBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 17 December 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR THE MALAYSIA GREENING PROGRAM IN CONJUNCTION
WITH THE AGRICULTURE CENSUS 2024
DECEMBER 2023

Sustainable Future: DOSM and FRIM Collaborate in Supporting the Tree Planting Campaign Along with the Agriculture Census 2024

Today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, the Department of Statistics Malaysia (DOSM), and Dr. Ismail Hj Parlan, Director General of the Forestry Research Institute of Malaysia (FRIM), planted a Beruas tree species (*Garcinia hombroniana*) at the nursery of the Institute of Statistics Malaysia (ILSM) in conjunction with the implementation of the Agriculture Census 2024. Also present were Puan Nazaria Baharudin, Deputy Head Statistician, Social Program and Technical Development, DOSM; YBhg. Datin Seri Rozita Talha, Deputy Chief Statistician, Economic Program, DOSM; and representatives from the state of Perak government agencies.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that a total of 350 trees will be planted today in which 220 are contributed by FRIM and the remaining were infaq from DOSM. This program will be a continuation effort until 31st December 2023 with an expectation of 1,000 trees. As a kick-start, today's program will involve various species namely fruit and forest trees such as guava, cermai, beruas, sentul, jering, pelung, cashew, kapur, kantan, palau senkawan air, meranti copper, and meranti seraya, were planted across the 1.7-acre nursery. This initiative not only reflects DOSM's commitment towards environmental sustainability but also in tandem with the national agenda which emphasise the importance of green areas. It is part of the 100 Million Tree Planting Campaign led by the Ministry of

Natural Resources, Environment, and Climate Change (NRECC), spanning from 2021 to 2025.

The geography of Malaysia is covered with forest areas that contribute to the well-being and quality of life while preserving the equilibrium of the country's ecosystem and biodiversity. Today's program is in conjunction with the Agriculture Census 2024 which encompass activity of agriculture includes forestry and logging. The agriculture census will cover agricultural holdings consist of households and business establishments involved in agricultural activities, namely food & commodity crops, livestock, fisheries & aquaculture, as well as logging and forestry.

The primary information to be derived from this census include demographics of agricultural holdings, land area, irrigation systems, workforce, agro-tourism, financing facilities, asset income and expenditure, agricultural practices and technology usage, the role of the digital economy in marketing, and aspects of food security. The last Agriculture Census was conducted in 2005.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agriculture Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
17 DECEMBER 2023**